

DATE: 29/10/2008

## Abdullah pejuang utama sektor tani

**S**ERDANG: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, semalam menyifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pejuang utama sektor pertanian.

Mustapa berkata, sektor pertanian dekat di hati Perdana Menteri dan pelbagai program dan strategi diilhamkan Abdullah bagi memajukan sektor itu.

"Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sektor pertanian mendapat peruntukan hampir RM10 bilion berbanding RM3 bilion dalam rancangan sebelumnya.

"Malah sektor pertanian mendapat peruntukan tiga kali ganda sedangkan beberapa kementerian lain mendapat potongan peruntukan," kata Mustapa pada Majlis Perhimpunan Warga Tani dengan Perdana Menteri di Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini.

Di samping peruntukan itu, kerajaan pada Mei lalu menyediakan RM3 bilion di bawah Dasar Bekalan Makanan Negara bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi termasuk meningkatkan elaun sara hidup nelayan, bantuan baja dan bantuan kepada pengilang.

Mustapa berkata, negara berasa cemas sedikit pada Mei lepas apabila bekalan beras negara tidak mencukupi tetapi dengan tindakan pantas Abdullah masalah itu sudah dapat diatasi.

Beliau berkata, Perdana Menteri turut memberi nafas baru kepada sektor itu dengan memperkenalkan

pertanian moden, komersial, bioteknologi dan ICT.

Katanya, kini pelbagai jenis nanas dan cili baru, 45 kawasan tanaman kekal pengeluaran makanan, 300 tan ikan air tawar, 8,000 hektar estet padi dan 20,000 hektar estet padi menjelang 2020, 40 juta nanas diekspor dalam sembilan bulan pertama tahun ini dan 300 rangkaian pasar tani membabitkan 13,000 petani.

Agro Bank pula kini mempunyai modal RM1 bilion dan memberi pinjaman kepada 13,000 petani tahun lalu dan 13,000 petani bagi tahun ini sehingga September.

Beliau berkata, lebih RM300 juta diperuntukkan di bawah RMK-9 untuk mekanisasi sektor pertanian.

"Bangunan Taman Ekspo Pertanian Malaysia ini pun yang bernilai RM250 juta adalah hasil ilham Pak Lah sendiri.

"Kita bersyukur kerana Pak Lah adalah satu-satunya pemimpin yang membela kita semua. Beliau membawa transformasi sektor pertanian bagi meningkatkan pendapatan warga tani," katanya.

Mustapa berkata, taman ekspo pertanian itu akan dibuka kepada orang ramai pada hujung minggu mulai minggu depan bagi membolehkan mereka membeli benih dan mulai Disember, Pasar Tani juga diadakan di taman itu. - Bernama

FAKTA NOMBOR

**RM3  
bilion**

Peruntukan di bawah Dasar Bekalan Makanan Negara